

Penggunaan Teknik Drama dalam Penulisan Karangan Bergambar

Siti Fadiah Ramdan

siti_fadiah_ramdan@moe.edu.sg

Nurhidayah Ashari


nur_hidayah_ashari@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Greenwood

Abstrak

Murid-murid Darjah 5 sering menghadapi masalah dalam menulis karangan secara kreatif. Mereka mengalami kesukaran untuk menjana idea dan meluaskan isi karangan berasaskan gambar bersiri. Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan teknik drama dalam mempertingkatkan kebolehan berfikir secara kreatif dan meneliti sama ada kaedah yang dipilih dapat membantu murid. Kajian ini melibatkan 37 orang murid Darjah 5. Kaedah yang digunakan dalam kajian ialah teknik drama 'Emosi *Roller-coaster*', 'Tanpa Kata' dan 'Cerita Bergambar'. Bagi tujuan kajian ini, satu rubrik penilaian telah disediakan dan digunakan secara tekal dalam praujian dan pascaujian untuk mengukur pencapaian murid. Dapatan kajian menunjukkan keberkesanan teknik drama kerana terdapat kemajuan dalam pencapaian kumpulan kajian.

Kata Kunci: teknik drama, emosi *roller-coaster*, cerita bergambar, tanpa kata, rubrik




PENGENALAN

Kemahiran menulis merupakan salah satu kemahiran utama yang perlu dikuasai oleh murid ketika dari tahap sekolah rendah. Kemahiran ini amat penting bagi mengukur pencapaian murid dalam komponen penulisan karangan. Murid diharapkan dapat menulis secara kreatif dan berjaya menjana idea serta meluaskan isi karangan. Menurut Tompkins (1982) penulisan kreatif penting bagi perkembangan kemahiran kognitif dan komunikasi kanak-kanak.

Boden (2001) berpendapat bahawa kreativiti merupakan keupayaan untuk menjana idea baharu yang bijak dan bermakna. Kebanyakan murid mengolah isi karangan yang agak sama atau hanya menyatakan isi gambar bersiri yang diberikan. Ada juga yang tidak mampu mengembangkan isi yang sesuai, menarik dan lebih padat. Hal ini menyebabkan murid tidak memperoleh markah yang tinggi bagi bahagian isi karangan. Hal ini juga menghambat peluang murid untuk mendapat markah yang cemerlang bagi komponen karangan. Isu ini amat membimbangkan kerana markah peperiksaan karangan murid secara keseluruhan akan terjejas.

Guru amat prihatin tentang isu ini kerana markah karangan yang baik sekaligus dapat membantu murid untuk mendapat markah yang cemerlang bagi mata pelajaran Bahasa Melayu. Bagi meningkatkan kebolehan berfikir secara kreatif dalam penulisan karangan bergambar, pengajaran berdasarkan teknik drama telah diaplikasikan.

Menurut Demir (2013), aspek cerminan kreativiti murid-murid di sekolah dapat dilihat melalui hasil penulisan mereka semasa melakukan aktiviti menulis. Atas sebab ini, kreativiti dan kemahiran menulis amat berkait rapat. Kajian ini telah membuktikan bahawa pengajaran penulisan berdasarkan gambar bersiri menggunakan teknik drama merupakan cara yang efektif untuk mencetuskan kreativiti murid. Pengajaran penulisan karangan bergambar bukan sahaja terhad kepada teknik penulisan ayat berdasarkan gabungan idea sahaja. Teknik drama yang menarik dan pelbagai juga dapat meningkatkan kemahiran menulis secara kreatif murid.



PERNYATAAN MASALAH

Walaupun murid-murid boleh menulis karangan berasaskan gambar bersiri, mereka sering tidak dapat mengembangkan idea secara kreatif. Murid-murid juga tidak dapat menggambarkan watak-watak cerita dengan baik kerana mereka tidak dapat menghayati watak-watak tersebut. Akibatnya, karangan yang dihasilkan sering kali berdasarkan perkara-perkara yang dilihat dalam gambar bersiri secara sepintas lalu sahaja.

Murid-murid menjadi terlalu bergantung kepada aspek dasar atau asas gambar sehinggakan idea mereka menjadi terhad dan menghalang mereka daripada meraih markah isi yang tinggi. Murid-murid juga turut menjadi bosan ketika menulis karangan bergambar kerana idea yang cetek lagi kurang menarik. Guru pula mendapati hasil karangan murid yang hanya bersifat kronologikal semata-mata; tiada penerangan tentang watak secara kritis.


Biarpun penting bagi guru untuk memastikan murid bukan sahaja terpandu semasa menulis karangan berasaskan gambar bersiri, guru juga berharap murid-murid dapat menyelitkan hal-hal lain yang dapat menghidupkan penceritaan karangan. Murid -murid dapat menggambarkan watak dengan lebih realistik dan melihat kemungkinan yang pelbagai semasa menulis karangan bergambar.

Guru telah memperkenalkan teknik drama Emosi *Roller-coaster*, Tanpa Kata dan Cerita Bergambar bagi membantu murid menjana idea agar penulisan karangan mereka membuahkan hasil yang lebih kreatif.

TUJUAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk:

1. mengkaji keberkesanan teknik drama dalam mempertingkatkan kebolehan murid-murid Darjah 5 berkeupayaan sederhana tinggi berfikir secara kreatif dalam penulisan karangan; dan
2. membantu murid meningkatkan mutu isi karangan.



KAJIAN LEPAS

Unsal (2005) menyatakan bahawa teknik drama yang kreatif dapat menjadikan murid melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran. Murid dapat meneroka kemahiran dan kreativiti mereka.

McCaslin (2009) pula menerangkan bahawa semasa mengajar, guru perlu ingat bahawa penggunaan teknik yang pelbagai turut merangsang murid untuk menggunakan deria yang pelbagai. Hal ini akan membuat pembelajaran lebih efektif.

Sperling dan Appleman (2011) menyatakan bahawa penggunaan teknik drama mengundang murid-murid untuk bereksperimen dengan suara semasa menghayati watak. Pengalaman sebegini membolehkan mereka menjana idea dengan lebih baik semasa proses penulisan.

Ron Ritchhart (2008) dalam bukunya *Making Thinking Visible* menyatakan bahawa pemikir yang efektif akan menonjolkan pemikiran dengan jelas. Mereka mampu meluahkan pendapat mereka melalui pertuturan, penulisan dan melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti.

KAEDAH KAJIAN


Subjek Kajian

Seramai 37 orang murid Darjah 5 yang berkeupayaan sederhana tinggi dari kelas yang sama telah dipilih sebagai subjek kajian. Pemilihan tersebut dilakukan agar memudahkan setiap sesi intervensi yang perlu dilakukan. Murid-murid dari kelas ini merupakan subjek kajian yang sesuai kerana aktiviti-aktiviti yang dijalankan semasa kajian bertepatan dengan objektif bagi membantu meningkatkan daya kreativiti mereka dalam penulisan.

Instrumen Kajian

Beberapa instrumen telah digunakan dalam kajian ini.

1. Pemantauan praujian dan pascaujian



Dapatan praujian dan pascaujian digunakan untuk melihat sejauh mana pengajaran berasaskan teknik drama dapat mempertingkatkan pencapaian murid-murid dalam penulisan karangan. Data daripada praujian dan pascaujian dikumpulkan secara kuantitatif. Kemudian, analisis statistik dilakukan untuk meninjau keberkesanan pengajaran secara eksplisit. Rajah 1 ialah reka bentuk kajian ini.

Rajah 1 : Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk praujian dan pascaujian kumpulan				
Prauajian		Aksi	Pascaujian	
G1	O1	✓	O2	


G1 ialah Kumpulan Kajian. Simbol '✓' pula menandakan intervensi dijalankan bagi kumpulan itu

2. Rubrik penilaian

Kebolehan murid-murid mengembangkan isi dalam penulisan karangan bergambar semasa praujian dan pascaujian dinilai berdasarkan rubrik penilaian yang telah direka khas untuk kajian tindakan ini. Rubrik penilaian dibuat berdasarkan skema pemarkahan karangan Darjah 5 dan PSLE. Rubrik itu tertumpu kepada empat bahagian iaitu ketepatan, kepadatan, olahan cerita dan jalan cerita. Rubrik penilaian murid menjadi data yang dikumpul secara kuantitatif untuk dianalisis dan diteliti sama ada wujud perbezaan yang signifikan secara statistik. Jadual 1 merupakan contoh rubrik penilaian yang digunakan.

Jadual 1. Rubrik Pemarkahan Karangan bagi Bahagian Isi

Jalur	1	2	3	4	5
Julat Markah	17-20	13-16	9-12	5-8	1-4
Ketepatan	<ul style="list-style-type: none"> menepati kehendak cerita 	<ul style="list-style-type: none"> menepati kehendak cerita 	<ul style="list-style-type: none"> setakat yang dikehendaki soalan 	<ul style="list-style-type: none"> kurang daripada biasa 	<ul style="list-style-type: none"> kurang menepati kehendak cerita
Kepadatan	<ul style="list-style-type: none"> isi lebih daripada mencukupi isi sepenuhnya relevan 	<ul style="list-style-type: none"> isi agak banyak isi kebanyakannya relevan 	<ul style="list-style-type: none"> isi mencukupi isi pada umumnya relevan 	<ul style="list-style-type: none"> isi tidak mencukupi sedikit sahaja isi relevan 	<ul style="list-style-type: none"> isi sangat tidak mencukupi isi kebanyakannya tidak relevan
Olahan cerita > watak dan emosi > interpretasi yang kreatif	<ul style="list-style-type: none"> isi dikembangkan dengan sepenuhnya perkembangan cerita amat menarik memasukkan banyak hal lain yang berkaitan bagi melengkapkan karangan secara menyeluruh 	<ul style="list-style-type: none"> isi tidak dikembangkan dengan sepenuhnya perkembangan cerita menarik memasukkan sedikit hal lain yang berkaitan bagi sebahagian karangan 	<ul style="list-style-type: none"> isi dikembangkan pada umumnya perkembangan cerita agak jelas tetapi kurang menarik 	<ul style="list-style-type: none"> isi kebanyakannya tidak dikembangkan bergantung sepenuhnya pada soalan panduan 	<ul style="list-style-type: none"> isi tidak jelas dan mengelirukan perkembangan cerita kurang jelas
Jalan cerita	<ul style="list-style-type: none"> jalan cerita lengkap dan sangat licin 	<ul style="list-style-type: none"> jalan cerita lengkap dan licin 	<ul style="list-style-type: none"> jalan cerita masih lengkap 	<ul style="list-style-type: none"> jalan cerita kurang licin 	<ul style="list-style-type: none"> jalan cerita kurang sempurna



Prosedur Kajian

Kajian ini dijalankan selama lima minggu pada penggal tiga dan empat persekolahan. Subjek kajian menjalani tiga sesi intervensi dalam satu minggu yang dijalankan oleh guru Bahasa Melayu kumpulan itu. Setiap sesi mengambil masa selama tiga waktu pelajaran atau 1 jam 30 minit.


Minggu 1 dan 2 – Praujian dan Pengenalan. Sebagai praujian, murid-murid menulis karangan berasaskan gambar bersiri (gambar 1 hingga 5 sahaja) yang telah diberikan oleh guru.

Guru menggunakan teknik drama yang sesuai bagi menyuntik minat murid dalam peluasan bahagian isi semasa penulisan karangan bergambar. Guru memperkenalkan teknik drama Emosi *Roller-coaster*. Guru menerangkan tentang kepentingan watak yang realistik, iaitu watak yang mengalami perasaan yang sering bertukar-tukar; seorang manusia tidak mungkin statik dari segi perasaan dan pemikiran. Kemudian, murid-murid menjalankan aktiviti teknik drama Emosi *Roller-coaster* dalam kumpulan masing-masing. Setiap kumpulan memilih empat perasaan yang berlainan daripada kumpulan-kumpulan lain. Setiap kumpulan akan berlatih untuk melakonkan mimik muka bagi perasaan-perasaan yang dipilih. Kesemua anggota kumpulan harus memamerkan mimik muka yang sama. Langkah seterusnya menghendaki setiap kumpulan menulis satu perenggan mengenai seorang watak yang melalui keempat-empat perasaan yang telah dilakukan itu.

Minggu 3 - Pada minggu ketiga, guru memperkenalkan teknik Drama Tanpa Kata. Guru menayangkan gambar-gambar di layar dan meminta setiap kumpulan meniru perbuatan watak-watak yang dilihat dalam sesuatu gambar statik.

Guru menerangkan bahawa sebagai seseorang yang melihat gambar, penonton hanya dapat melihat perbuatan daripada segi mata kasar sahaja. Setelah setiap kumpulan melakonkan perbuatan watak-watak tersebut, murid-murid lebih memahami tentang sebab-akibat perbuatan tersebut dan hal-hal yang difikirkan watak semasa melakukan perbuatan itu. Hal ini membantu murid-murid menerangkan perbuatan watak-watak dengan lebih terperinci.

Minggu 4 - Bagi sesi keempat kajian ini, guru memperkenalkan teknik drama 'Cerita Gambar'. Guru menunjukkan gambar yang sama yang digunakan



semasa pembelajaran teknik Drama Tanpa Kata. Bagi sesi ini, guru meminta setiap kumpulan menyelitikan dialog bagi setiap watak semasa melakonkan situasi dalam gambar.

Guru menerangkan bahawa watak-watak dalam gambar itu tidak sahaja menjalankan perbuatan tersebut tanpa berfikir tetapi ada isi kritikal yang ingin dijelaskan oleh watak-watak dalam gambar tersebut. Oleh itu, murid-murid boleh memikirkan satu masalah atau isu yang sesuai.

Minggu 5 – Pemerhatian oleh Guru Pakar dan pascaujian. Bagi sesi minggu kelima, guru telah tamat mengajar ketiga-tiga teknik drama tersebut. Guru kemudian membahagikan murid-murid kepada Kumpulan A dan B – Kumpulan A1-A5, Kumpulan B1-B5. Kumpulan A mendapat gambar karangan bersiri A yang mengandungi gambar 1 hingga 5 sahaja, dan Kumpulan B mendapat gambar karangan bersiri B yang mengandungi gambar 1 hingga 5 juga.


Contoh:

Kumpulan A1 mendapat gambar A1.
Kumpulan A2 mendapat gambar A2.
Kumpulan A3 mendapat gambar A3.
Kumpulan A4 mendapat gambar A4.
Kumpulan A5 mendapat gambar A5.

Kumpulan A1-A5 diberikan masa untuk meneliti gambar-gambar tersebut lalu melakonkan senario selaras dengan kandungan gambar. Bagi setiap lakonan, setiap kumpulan harus mengaplikasikan ketiga-tiga teknik drama yang telah mereka pelajari. Setelah kumpulan A1-A5 selesai berlakon, guru menerangkan bahawa setiap kumpulan secara bergilir-gilir telah melakonkan satu gambar yang terdapat dalam gambar bersiri A. Apabila dicantumkan, kelima-lima kumpulan telah melakonkan satu cerita yang hampir lengkap. Kesudahan bagi cerita itu tidak disertakan dan murid dikehendaki memberi kesudahan bagi cerita itu.

Kemudian, kumpulan-kumpulan B1-B5 turut melakukan aktiviti yang serupa. Guru menunjukkan bahawa mereka telah melakonkan gambar bersiri B. Aktiviti ini membuktikan bahawa murid-murid mampu untuk memasukkan hal-hal berikut dalam lakonan mereka bagi setiap gambar:

- sekurang-kurangnya empat perasaan yang bertukar-tukar;



- meneliti perbuatan watak dengan lebih terperinci; dan
- memasukkan dialog kritikal.

Setelah itu, setiap kumpulan berbincang sambil menulis karangan bagi gambar bersiri A atau B (gambar 1 hingga 5 sahaja). Sebagai aktiviti pascaujian, setiap murid menulis kembali karangan bersiri yang telah mereka tuliskan semasa praujian. Guru meneliti perbezaan kandungan isi bagi setiap gambar berbanding yang ditulis semasa praujian.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Analisis data dalam kajian ini dijalankan berdasarkan rubrik penilaian bagi mengukur pencapaian murid. Rubrik tersebut menjadi data yang dikumpul secara kuantitatif untuk dianalisis dan diteliti sama ada wujud perbezaan yang signifikan secara statistik.

Dalam kajian ini, teknik pengumpulan statistik yang dipanggil '*paired t-test*' telah digunakan untuk mendapatkan fakta tentang keberkesanan pengajaran teknik drama dalam penulisan karangan bergambar. Teknik '*paired t-test*' dipilih kerana sesuai digunakan dalam kajian yang melibatkan perbandingan antara dua sampel markah, iaitu markah praujian dan pascaujian.

Pada awal kajian, murid-murid telah menjalani praujian bagi meneliti tahap penguasaan kemahiran mengembangkan isi karangan dan kesediaan murid. Pada akhir kajian pula, murid-murid menjalani pascaujian. Gambar statik yang sama telah digunakan untuk kedua-dua ujian ini agar dapatan kajian ini sah. Markah keseluruhan bagi praujian dan pascaujian telah dikumpulkan.

Sebuah perisian statistik yang menggunakan teknik '*paired t-test*' telah digunakan. Dalam teknik '*paired t-test* ini', sampel yang memperoleh nilai yang sama atau kurang daripada 0.05 telah meraih peningkatan yang ketara manakala sampel yang memperoleh nilai yang lebih daripada 0.05 tidak menunjukkan sebarang peningkatan yang ketara. Kajian ini mendapati bahawa nilai yang diperoleh setelah markah keseluruhan praujian dan pascaujian disertakan dalam formula '*paired t-test*' ialah <0.0001 .


Dapatan ini menunjukkan bahawa kumpulan kajian telah menunjukkan peningkatan markah yang sangat ketara setelah melalui pengajaran teknik



drama. Dapatan juga menunjukkan bahawa murid-murid tersebut telah mencapai peningkatan markah yang tinggi.


Jadual 2: Julat Perbezaan Markah bagi Isi Karangan dalam Praujian dan Pascaujian

Murid	Markah Isi (Praujian)	Markah Isi (Pascaujian)
1.	10	13
2.	11	13
3.	10	12
4.	10	12
5.	10	13
6.	11	13
7.	12	13
8.	11	13
9.	11	13
10.	12	13
11.	10	12
12.	12	13
13.	11	13
14.	11	13
15.	10	13
16.	11	13
17.	11	14
18.	11	13
19.	11	13
20.	11	13
21.	11	13
22.	11	12
23.	11	12
24.	11	13
25.	11	13
26.	11	13
27.	11	13
28.	10	11
29.	11	13
30.	11	13
31.	11	13
32.	11	13
33.	11	13




34.	11	13
35.	11	12
36.	12	14
37.	12	13

Rajah 2: Perbandingan Julat Markah Praujian dan Pascaujian



Rajah 3: Perbandingan Skala Praujian dan Pasca Ujian Subjek Kajian



KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa sesi intervensi amat berkesan dan berjaya menghasilkan peningkatan markah yang sangat ketara dan memberangsangkan. Hal ini jelas dilihat melalui analisis data yang dikumpulkan secara kuantitatif.

Penggunaan teknik drama dalam pengajaran penulisan karangan berasaskan gambar bersiri berjaya membantu murid-murid menjana idea



dalam melakarkan jalan cerita karangan mereka. Penggunaan teknik drama juga dapat meningkatkan daya kreativiti murid-murid. Murid-murid juga secara tidak langsung dapat menghayati aspek watak dengan secara terperinci lagi. Peluang yang diberikan kepada murid dalam membina dialog dan monolog dapat meningkatkan daya pemikiran murid secara kritikal berdasarkan kajian mereka terhadap pemikiran watak dalam sesuatu situasi.

Secara keseluruhannya, teknik drama dan penulisan karangan amat sesuai untuk digandingkan disebabkan pemberatan kepada aspek penilaian watak yang terbukti merupakan sesuatu komponen yang amat penting dalam penulisan kreatif. Ilmu yang diraih oleh murid-murid bukan sahaja menjadikan mereka bertambah yakin terhadap kebolehan diri mereka dalam bidang penulisan, tetapi juga memberi mereka ruang untuk berfikir dengan kritis dan inventif, sejajar dengan nilai-nilai teras Kementerian Pendidikan Singapura dalam menitikberatkan Kecekapan Abad ke-21.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Fauziah Osman
2. Junainah Mohd. Yusoff
3. Mohd. Sha'ban Rapiai
4. Najiyah Mohd. Said


RUJUKAN

Craft, A., Jeffrey, B., & Leibling, M. (2001). *Creativity in education*. London: Continuum

McCaslin, N (2014). *Creative drama in The classroom and beyond*. Arlington, Boston, MA, Allyn & Bacon. Pearson

Ritchhart R., Church M. & Morrison, K. (2011). *Making thinking visible: How to promote engagement, understanding, and independence for all learners*. San Francisco: Jossey-Bass.

Sperarling, M > Appleman, D., Gilyard, K. & Freedman, S. (2011). Voice in the context of literacy studies. *Reading Research Quarterly*, 46(1), 70-84. Doi:10. 1598/rrq.46.1.4



Effects of creative writing activities on students' achievement in writing, *writing dispositions and attitude to English* – Science Direct.(n.d.). Retrieved from <http://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S1877042815008678>

Improving student's writing through creative drama - ScienceDirect. (n.d.). Retrieved from <https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S1877042812033587>

